

Robáni cemerlang dalam dua bidang

WALAUUPUN bergelar atlet negara, ia tidak menjaskannya misi Robani Hassan untuk menggenggam segulung ijazah.

Pada majlis konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-33 Ahad lalu, jaguh acara 110 meter lari berpagar itu telah menerima segulung ijazah menerusi program Ijazah Pentadbiran Perniagaan.

Bukan sesuatu yang mustahil apabila Robani bersedia menyambung pelajarannya ke peringkat sarjana.

Pada masa yang sama, dia juga berhasrat membuka kelab sukan sendiri untuk membantu mengembangkan lagi sukan olahraga.

Menurut ayah Robani, Hassan Jantan, dia amat berat hati jika anaknya tidak boleh mengimbangkan sukan dan pelajaran pada masa yang sama.

Namun, Robani telah membuktikan kebolehanya dengan keazamannya untuk merusakannya dan tidak pernah putus asa walaupun pernah menangguhkan pelajarannya selama setahun.

"Sebagai seorang atlet ia merupakan satu cabaran untuk mengimbangi masa belajar dan juga fokus dalam sukan. Namun dengan kelongaran yang diberi oleh pihak UPM iaitu menambahkan tempoh pengajian saya dari tiga tahun kepada lima tahun, ia memberi peluang kepada saya," jelas Robani yang merupakan Olahragawan Majlis Sukan Universiti-Universiti Malaysia (Masum) 2004, 2005 dan 2008.

Anak kedua daripada lima adik-beradik ini membesar di Kuala Lumpur dan mula aktif dalam bidang sukan sejak usia 15 tahun lagi.



ROBANI